

UMS gedung ilmu yang tidak membosankan

UB 13-6-2013 di
Oleh NURHAFIZAH JEHAN JUMAT
utusanborneokk@gmail.com

LANDSKAP yang indah dan teratur mampu mengubah mood dan emosi seseorang. Konsep pemilihan pokok, bunga serta susun aturnya sangat penting bagi membina sebuah landskap.

Terletak di Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sememangnya sebuah gedung ilmu yang tidak membosankan.

Kehijauan institusi



SELSELAH

pengajian tinggi awam (IPTA) itu juga menerima tempias daripada Bandaraya Kota Kinabalu yang digelar Bandaraya Rimba Tropika.

Ketika menelusuri setiap pelusuk UMS, pelbagai landskap yang menghijau serta bunga-bunga cantik mampu memukau setiap



EVERINA

mata yang memandang.

Memiliki landskap antara yang terbaik di Asia Tenggara dan lokasinya yang menghadap Laut Cina Selatan serta dikelilingi hutan hujan Khatulistiwa menjadikannya UMS antara khazanah bernilai di rantau ini.



TUMBUHAN pokok-pokok yang sesuai digunakan pakai untuk landskap luar.

* bersambung ke B2



SEORANG pekerja sedang membersihkan kawasan tanaman landskap.



PELBAGAI spesies tanaman bunga dengan alunan landskap memberikan pengalaman dan suasana yang berbeza.



SALFIZAH



ZULIANA

Pembinaan landskap UMS ini direka bentuk mengikut perancangan yang teliti dan disesuaikan dengan keadaan topografinya yang terletak di kawasan perbukitan.

Lebih menarik, setiap bangunan sama ada bangunan yang menempatkan dewan kuliah, pusat kegiatan kurikulum, bangunan pentadbiran, penginapan pelajar, pusat ibadah dan lain-lain masing-masing memiliki landskap yang tersendiri yang membabitkan landskap tanaman dan binaan.

Landskap tanaman membabitkan penanaman pokok-pokok seperti Jati, Meranti, Sentang dan Pokok Malam menjadikan universiti awam itu seperti berada di hutan rimba.

Manakala, pokok bunga-bunga seperti Bougainvillea Spectabilis, Durata, Hibiscus rosa-sinensis, Ixora, Pandanus Pygmaeus dan lain-lain juga ditanam bagi mencantikkan lagi landskap.

Penanaman kesemua pokok itu dibuat secara terancang bersesuaian dengan lokasi bangunan terbabit. Contohnya, pokok-pokok renek menghiasi bangunan utama universiti.

Di sebalik keindahan itu, sudah tentu ada individu yang menguruskan serta menjaga landskap berkenaan.

Salah sebuah syarikat yang menjadi kontraktor menguruskan landskap UMS ialah Serba Bina Construction Sdn Bhd. Pengurus Projek, Salfizah



SUNA

Md Ismail, 27, berkata landskap di bawah jagaan syarikat mereka adalah sebanyak tujuh kawasan dan kesemuanya merupakan Sekolah Sastera.

“Seramai 17 orang pekerja yang menjalankan kerja-kerja harian seperti memotong rumput, menyapu daun-daun kering, mencabut rumput menyiram pokok-pokok dan sebagainya.

“Mereka juga bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja seperti pemangkasan pokok dan ranting mati serta membaja yang dilakukan sebulan sekali,” katanya.

Suna Ibrahim, 40, seorang pekerja landskap berkata selama enam hari seminggu mereka menjalankan tugas-tugas menjaga landskap.

“Setiap hari tugas-tugas yang dijalankan adalah sama iaitu membersihkan kawasan landskap supaya sentiasa kemas dan bersih.

“Pemantauan juga dilakukan oleh pihak pengurusan bagi memastikan landskap sentiasa tersusun rapi dan menepati piawaian yang ditetapkan,” katanya.



LORONG pejalan kaki untuk pelajar dan sesuai untuk bersenam seperti berjoging.

Seorang lagi pekerja landskap iaitu Tirasa Baha, 50, berkata menjaga landskap di UMS adalah satu pekerjaan yang menyeronokkan.

Katanya, pekerjaan ini juga bukan satu bebanan sebaliknya ia merupakan satu pekerjaan yang menyihatkan tubuh badan.

Keindahan landskap yang menarik itu juga menerima reaksi positif daripada orang ramai khususnya para pelajar.

Selselah Majelik, 23, pelajar tahun akhir berkata UMS mempunyai landskap yang dapat memukau sesiapa sahaja yang datang mengunjunginya.

“Landskap yang tersusun dan ditambah lagi dengan pokok-pokok bunga yang berwarna-warni mampu meredupkan serta memukau pandangan seseorang.

“Dengan melihat dari luar sahaja, landskapnya mampu membuatkan seseorang itu ingin memasukinya,” katanya.

Everina Masalan, 23, berasal dari Tenom berkata landskap UMS yang berbukit bukau selain mempunyai tanaman hijau yang terpelihara serta pemandangan laut menjadikannya sebagai salah satu lokasi bagi orang ramai untuk mengambil gambar.

“Landskap yang pelbagai dan menarik menjadi antara sebab UMS sering dijadikan tempat untuk orang ramai mengambil gambar.


“Dengan kedatangan orang ramai khususnya para pelancong ke UMS, sudah tentu dapat mempromosikan UMS secara tidak langsung,” katanya.

Manakala, Zuliana Mat Salleh, 25, pelajar Sekolah Pengajian Seni berkata keadaan landskap yang cantik juga dapat menarik minat para pelajar untuk belajar.

“Suasana yang cantik serta dikelilingi dengan kehijauan pasti dapat menenangkan serta menghilangkan tekanan belajar yang

dihadapi oleh para pelajar.

Oleh itu, dengan kerjasama yang giat dijalankan oleh pihak pengurusan landskap dengan pihak UMS, tidak mustahil untuk UMS menempa nama sekali lagi di mata dunia.



JALAN pintas dibina khas untuk pelajar asrama ke bilik kuliah.



DEWAN perpustakaan UMS.